



SPNB bina 23,115 rumah

>>Oleh Intan Mas Ayu Shahimi

DEWAN Rakyat diberitahu semalam bahawa sejak 2008, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sudah membina 23,115 Rumah Mampu Milik (RMM) dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) di seluruh negara bernilai RM1.87 bilion.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Donald Lim Siang Chai (*gambar*) berkata, daripada jumlah berkenaan, sebanyak 14,467 unit kediaman dibina melalui projek RMM dengan kos RM1,268.5 juta, manakala bakinya (8,648 unit) di bawah projek RMR membabitkan kos RM604 juta.

Katanya, projek RMM didahului Selangor dengan jumlah



lah pembinaan sebanyak 3,781 unit, diikuti Sarawak (2,115 unit) dan Sabah (1,998 unit).

“Bagaimanapun, bagi projek RMR, sebanyak 1,342 unit rumah jenis itu dibina di Johor, diikuti 1,152 unit di Terengganu dan paling sedikit di Labuan iaitu tiga unit,” katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Mohd Jidin Shafee (BN-Setiu) mengenai jumlah

rumah yang dibina SPNB mengikut pecahan dan modal bagi tujuan itu.

Kepada soalan tambahan Mohd Jidin mengenai projek perumahan terbengkalai, Donald Lim berkata ia berlaku disebabkan beberapa faktor termasuk kekangan kewangan di pihak kontraktor dan masalah reka bentuk.

“Bagaimanapun, SPNB sudah mengambil tindakan

terhadap kontraktor terbabit dan kita juga menasihatkan mereka supaya melantik kontraktor berkualiti bagi mengelak masalah pada masa akan datang,” katanya.

Menjawab soalan tambahan M Kulasegaran (DAP-Ipoh Barat) pula, Donald Lim berkata, semua pemberian kontrak projek SPNB dibuat melalui tender terbuka.